# BAHASA MELAYU TAHUN 3

## TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAAN & ESTETIKA

## S.P : 5.2.3 (iii) KATA GANDA BERENTAK

Sila tonton video di bawah dan jawab latihan yang disediakan.

LIVEWORKSHEETS

# KATA GANDA BERENTAK

- **Proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi asal kata dasar.**
- **Bunyi tertentu diulang / diubah.**
- **Contoh :**

| Pengulangan vokal | Pengulangan konsonan | Pengulangan berentak bebas |
|---|---|---|
| ➢ Sayur-mayur<br>➢ Kuih-muih<br>➢ Lauk-pauk<br>➢ Gotong-royong | ➢ Gunung – ganang<br>➢ Bukit-bukau<br>➢ Kayu-kayan<br>➢ Batu-batan | ➢ Anak-pinak<br>➢ Saudara-mara<br>➢ Lintang-pukang |

LIVEWORKSHEETS

Tandakan (✓) pada kata ganda berentak yang betul.

| 1. Lalu - | | 2. Gelap - | |
|---|---|---|---|
| palang | | gelita | |
| lalang | | gemilang | |

| 3. Sopan - | | 4. Warna - | |
|---|---|---|---|
| simpan | | warta | |
| santun | | warni | |

| 5. bengkang - | | 6. Sunyi - | |
|---|---|---|---|
| bengkok | | sapi | |
| bangku | | sepi | |

| 7. segar - | | 8. rempah - | |
|---|---|---|---|
| bugar | | ribu | |
| bunga | | ratus | |

| 9. beli - | | 10. kacau - | |
|---|---|---|---|
| balak | | bilau | |
| belah | | bilal | |

LIVEWORKSHEETS

**Padankan kata ganda berentak yang bersesuaian dengan ayat .**

| | |
|---|---|
| Abu menjual ________ yang segar di pasar. | kuih-muih |
| Ibu menjamu tetamu dengan ________ yang enak. | calar-balar |
| Adik teruja melihat pemandangan_______ yang cantik semasa berada di Kundasang. | Saudara-mara |
| Tangan Ali ________ kerana dicakar oleh kucing . | Sayur-mayur |
| Keluarga Mei Ling menjemput ________ mereka untuk makan bersama . | Gunung-ganang |

LIVEWORKSHEETS

Lengkapkan petikan dengan kata ganda berentak yang betul.

## Rewang



Perkataan "rewang" berasal daripada bahasa Jawa yang membawa maksud beramai-ramai atau membanting tulang **bergotong-** ______ menyediakan persiapan sesuatu majlis. Majlis yang memerlukan kerja secara rewang ialah majlis kahwin, sambut menantu dan cukur jambul.

Biasanya, rewang dilakukan beberapa hari sebelum majlis dilangsungkan. Untuk menyediakan persiapan hari bahagia, bantuan diperlukan daripada jiran serta **saudara-** ______ terdekat.

Antara aktiviti rewang ialah aktiviti mengupas bawang, memotong daging, menyediakan **kuih-** ______ dan **lauk-** ______. Semua persiapan harus diselesaikan sebelum mulanya majlis agar majlis berjalan dengan lancarnya dan **gilang-** ______.

Amalan rewang ini dapat mengekalkan budaya dan adat yang semakin dilupakan. Selain itu, rewang juga dapat memupuk sikap kerjasama dan tolong-menolong.

LIVEWORKSHEETS